

Berita Harian

RABU, 5 SEPTEMBER, 1979

Menjaga nama baik barang2 Malaysia

DATUK Seri Dr. Mahathir tentulah tidak menegur Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di luar negeri kerana mempamerkan barang-barang usang dan lapuk di pejabat-pejabat mereka sekiranya beliau tidak melihat sendiri barang-barang yang dipamerkan itu.

Timbalan Perdana Menteri berkata: "Saya biasa melihat barang-barang yang dipamerkan di pejabat-pejabat Pesuruhjaya Perdagangan kita usang dan lapuk semasa melawat ke pejabat-pejabat itu di luar negeri." Beliau berkata lagi label-label di tin telah kelabu dan tidak dapat dibaca lagi. Keadaan seperti itu bukan sahaja tidak berkesan menarik pengimport tetapi akan mematikan samasekali minat mereka, tambahannya.

Tidaklah dapat disangkal bahawa tujuan barang-barang buatan Malaysia itu dipamerkan untuk menarik minat pengimport-pengimport supaya mengimport barang-barang berkenaan dan tujuan ini dapat dicapai sekiranya barang-barang itu dapat menarik minat sesiapa yang melihatnya. Tetapi jika label-label itu penuh habuk, lapuk dan tidak dapat dibaca maka tidak mungkin dapat menarik minat seperti itu.

Bagaimanapun, mempamerkan barang-barang buatan Malaysia dengan cara yang dapat menarik minat ahli-ahli perniagaan negara-negara asing adalah satu aspek sahaja dalam bidang memperkenalkan barang-barang itu di seberang laut. Pihak-pihak yang telah diberikan tugas memperkenalkan barang-barang itu haruslah juga mempunyai inisiatif menjalin hubungan dengan kalangan perniagaan di negara-negara tempat mereka bertugas seperti juga duta-duta kita mengadakan hubungan dengan para pemimpin dan diplomat-diplomat asing.

Sementara itu, para pengusaha kita sendiri pun mempunyai peranan dalam tugas mendapatkan pasaran di negara-negara asing dengan meningkatkan mutu barang-barang pengeluaran mereka supaya dapat menarik minat pengimport-pengimport asing. Biar berapa menarik sekali pun sesuatu barang yang dipamer, tetapi jika barang berkenaan rendah mutunya, maka pengimport asing yang memang mahir memilih barang-barang untuk perniagaan mereka tentulah tidak juga tertarik.

Pasar barangan masih luas. Jika di negara-negara maju pasar itu agak telah sesak, masih banyak pasar baru yang belum diteroka. Di negara-negara membangun yang lain, misalnya. Tidaklah payah disebut negara-negara maju pun ingin atau telah pun memasuki pasar ini, tetapi jika mutu barang-barang kita setanding dan harganya tidak mahal, maka mungkin ada tempat juga bagi barang-barang buatan Malaysia.